

**Sel. P.U. 115.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (MAJLIS PERBANDARAN KLANG) KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Klang dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2013**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan undang-undang kecil 4**

2. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) Kerajaan Tempatan 2005 [Sel. P.U. 47/2005] yang disebut sebagai "Undang-Undang Kecil ibu" dalam undang-undang kecil ini dipinda dalam undang-undang kecil 4—

- (a) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan "atau Pegawai Undang-Undang" dengan perkataan ", Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang"; dan
- (b) dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan "atau Pegawai Undang-Undang" dengan perkataan ", Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang".

Dibuat 18 Februari 2013  
[MPK/BU/22/81/01; P.U. Sel. Am 0068/2012]

MOHD IKHSAN BIN MUKRI  
*Setiausaha*  
*Majlis Perbandaran Klang*

Disahkan 5 Julai 2013  
[P.U. Sel. Am 0068/2012]

SULIMAN BIN ABD. RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor*



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

# MAKLUMAN

## SALINAN TERKAWAL DOKUMEN PERUNDANGAN

Untuk makluman, dokumen perundangan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) merupakan salinan terkawal yang memerlukan kelulusan Pegawai Maklumat MBDK sebelum diberikan kepada orang awam menurut Enakmen Kekebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.

Sebarang permohonan dokumen perundangan, sila rujuk butiran berikut:

Nombor Telefon

03-3375 8077 atau 03-3375 8032

Email

undang-undang@mbdk.gov.my

Sekian, terima kasih.

Jabatan Undang-Undang  
Majlis Bandaraya Diraja Klang



[www.mbdk.gov.my](http://www.mbdk.gov.my)



Majlis Bandaraya Diraja Klang



MBDKlang



mbdklang\_official



mbdklang\_official